

**PENGLIBATAN POLITIK: PEMERKASAAN KEPIMPINAN  
WANITA DI MALAYSIA (1980-2013)**

*(Political Participation: Empowering Women in Malaysia (1980-2013))*

Nor Rafidah Saidon  
Sity Daud  
Mohd Samsudin

**ABSTRAK**

Kajian ini membincangkan pemerksaan kepimpinan wanita dalam penglibatan politik di Malaysia bagi tahun 1980 hingga 2013. Tujuan kajian ini ialah untuk menjelaskan kesedaran wanita mengenai kepentingan pemerksaan kepimpinan wanita dalam penglibatan politik di Malaysia. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kaedah kualitatif melalui pemerhatian dan temubual bersama beberapa orang responden yang terpilih selain data sekunder yang berkaitan dengan kajian ini. Data-data yang diperolehi dari sumber yang diyakini telah dianalisis secara kualitatif. Bersandarkan kepada teori kepimpinan dan konsep gender, hasil kajian mendapati pemerksaan kepimpinan wanita dalam penglibatan politik dapat memberi kesedaran kepentingan wanita sebagai pengimbang gender dalam pentadbiran dan pembuatan keputusan. Secara tidak langsung jurang gender dapat dikurangkan dan dihapuskan.

Kata Kunci: kepimpinan, tahap, penglibatan, politik, wanita.

**ABSTRACT**

*This study discusses the empowerment of women in the leadership of political involvement in Malaysia for the period between 1980 to 2013. The purpose of this study was to explain the awareness of women on the importance of empowerment of women in the leadership of political involvement in Malaysia. The research method used was qualitative methods through observations and interviews with some respondents selected apart from secondary data related to this study. Data from reliable sources are analyzed qualitatively. Based on the concept of leadership theories and gender, the study found that the empowerment of women in the leadership of political involvement can provide awareness of the importance of women as a gender balance in decision-making and administration. Indirectly gender gap can be reduced and eliminated.*

**Keywords:** empowerment, leadership, participation, women, politics

**PENGENALAN**

Pembangunan sesebuah negara itu bukanlah hanya merujuk pada pembangunan ekonomi semata tetapi meliputi pembangunan dari segi sosial, sahsiah dan perpaduan

umamah. Untuk itu, pembangunan dari unsur-unsur yang melibatkan faktor-faktor sosial memerlukan tindakan dan perjuangan yang lebih berani dari kaum wanita. Sememangnya perbezaan fizikal wanita akan menyebabkan perbezaan tugas dan tanggungjawab dari pandangan umum, tetapi peranan wanita amat besar dalam sama-sama berganding bahu dengan lelaki dalam membantu pembangunan negara.

Kepentingan wanita mengambil bahagian dalam politik adalah peranan mereka sebagai pengimbang antara jantina. Perwakilan wanita dalam politik dapat menentukan wujud keadaan saksama, peluang yang sama rata dan layanan yang adil antara jantina untuk hidup dan maju sebagai rakan kongsi dalam keluarga dan masyarakat. Peranan wanita dan lelaki sebagai rakan kongsi antara jantina perlu diterapkan dalam politik negara bagi mewujudkan keadaan seimbang antara jantina dan membina masyarakat yang lebih saksama dan adil.

Walaupun bagaimanapun, cabaran pemimpin wanita untuk terlibat dalam politik lebih besar berbanding pemimpin lelaki, pemimpin wanita dilihat lebih *multi task* kerana mereka terpaksa mengurus keluarga, rumah tangga, masyarakat, parti dan negara. Walaupun wanita telah keluar dari peranan utama mereka sebagai isteri dan ibu, namun peranan mereka tidak boleh ditinggalkan begitu sahaja kerana masyarakat akan menilai sejauhmanakah kemampuan pemimpin wanita itu berhadapan dengan tugas di ruang awam dan ruang peribadi. Berbeza dengan pemimpin lelaki yang lebih memberatkan peranan mereka di ruang lingkup awam dan tugas di ruang peribadi bukan satu kemestian baginya untuk menggalas kerana lelaki akan dibantu oleh wanita yang berperanan sebagai anak perempuan, isteri dan ibu.

Penglibatan wanita dalam arena politik merupakan objektif untuk memperkasakan wanita dalam politik yang mempunyai potensi untuk membawa perubahan dalam masyarakat. Penglibatan wanita dalam badan-badan pentadbiran di peringkat kebangsaan dan juga tempatan boleh membawa perubahan kepada dasar-dasar dan undang-undang yang memfokuskan kepada wanita, kanak-kanak dan keluarga. Bagi menggerakkan dan menentukan hala yang sebenar yang harus diambil oleh wanita Malaysia, pemimpin yang cekap dan berkesan perlu diwujudkan untuk memandu kaum wanita dalam berbagai bidang yang secara langsung atau tidak langsung akan memberi sumbangan kepada negara. Sementara itu kejayaan sesuatu pertubuhan bergantung kepada kepimpinan yang cekap, berkesan dan bertanggungjawab. Barisan pemimpin sesuatu pertubuhan akan menentukan nasib pertubuhan itu, kejayaan atau kegagalannya akan berkait rapat dengan kualiti kepimpinannya.

Jumlah perwakilan wanita dalam politik adalah masih kecil. Ketaksamaan gender boleh dilihat melalui jumlah peluang pencalonan wanita dalam pilihanraya. Setiap kali pilihanraya diadakan, isu mengenai pencalonan wanita sentiasa hangat. Parti pemerintah memberi harapan bilangan calon wanita dalam pilihanraya akan ditambah. Tetapi wanita terus menjadi golongan '*underrepresent*' dalam politik. Ketidakseimbangan representasi politik formal dari sudut pandangan gender ini telah menyebabkan kedudukan wanita di seluruh dunia umumnya masih terpinggir dan menjadi golongan minoriti global walaupun mereka mempunyai jumlah populasi yang setara dengan kaum lelaki (Azza Karam 1998; Philips 1998; Rashila Ramli 2005). Secara keseluruhannya, tahap representasi politik formal wanita adalah rendah dan tidak mencapai kuota 30% seperti yang telah dipersetujui oleh pelbagai aktor terutamanya kerajaan negara-negara anggota PBB. Kekurangan bilangan wanita di peringkat pembuatan keputusan atau kepimpinan memberi gambaran terdapat ketaksamaan gender dalam politik di Malaysia.

## TEORI DAN KONSEP

### Teori Kepimpinan

Kajian ini menggunakan teori kepimpinan yang memperlihatkan penglibatan kaum wanita, bukan sahaja dalam tugas dan tanggungjawab yang biasa, iaitu di sekitar rumahtangga dan keluarga, tetapi juga dalam lingkungan yang lebih luas, meliputi aspek-aspek pembangunan masyarakat dan negara.

Teori kepimpinan yang mendasari kajian ini ialah teori Max Weber (1968) iaitu kepimpinan legal-rasional. Autoriti perundangan atau autoriti legal-rasional menurut Weber sangat bergantung kepada keabsahan terhadap pola dan aturan-aturan normatif dan hak bagi mereka yang memperoleh autoriti berkenaan untuk melaksanakan kuasanya. Kepatuhan terhadap autoriti ini yang diikat oleh garis panduan yang tidak diasaskan oleh perasaan peribadi dan ia hanya boleh diamalkan oleh individu atau kumpulan yang menduduki atau memegang sesuatu jawatan. Menurut Aminudin & Mohd Ali (1998) Autoriti ini adalah asas bagi setiap individu yang dilantik menjadi pemimpin secara konstitusi. Autoriti ini bukan abstrak tetapi suatu objektif yang sah.

Pemimpin yang dipilih atau dilantik berperanan utama terhadap sesebuah organisasi, pertubuhan, parti politik atau negara secara keseluruhannya. Kuasa dan autoriti itu diperoleh melalui proses yang sah seperti pilihan raya atau lantikan oleh institusi perundangan. Kemampuan seseorang pemimpin wanita dalam menjalankan proses kepimpinan politik bergantung kepada beberapa faktor, antaranya kemahiran mengatur strategi, kepintaran memanipulasi autoriti yang ada, karismatik, dan instrumen lain yang ada padanya.

### Konsep gender

Konsep gender ditakrifkan oleh Cornell (2002:10) sebagai; “...[The] structure of social relation that centres on the reproduction arena and the set of practices (governed by his structures) that bring reproductive distinction between bodies into social process..”.

Oleh itu, gender merujuk kepada perbezaan sosial antara perempuan dan lelaki. Ia merujuk kepada apa yang telah disampaikan oleh masyarakat kepada perempuan dan lelaki daripada kumpulan sosial yang berlainan mengenai peranan dan tanggungjawab mereka.

Konsep gender boleh mengupas persoalan tentang kekurangan jumlah wanita dalam pemerintahan negara selain menganalisis penglibatan wanita dalam politik di Malaysia. Dalam konteks penglibatan dalam politik, wanita pada umumnya tidak kelihatan (*invisible*) berinteraksi dalam politik kerana politik seringkali dikaitkan dengan kegiatan kaum lelaki. Wanita terpaksa menghadapi pelbagai halangan apabila mereka memilih untuk bergerak cergas dalam lingkungan awam seperti bidang politik. Walau bagaimanapun, kedudukan kaum wanita seringkali diletakkan lebih rendah berbanding kaum lelaki kerana terdapat diskriminasi gender dalam pemilihan calon, ahli kabinet, kepimpinan parti dan lain-lain seperti yang ditegaskan oleh Za'ba, oleh kerana kaum lelaki yang memberi pentakrifan tentang keadaan sekeliling maka pandangan wanita juga dilihat daripada kacamata kaum lelaki ( Hanapi: 1995). Powell (1993) pula menyatakan bahawa hasil dari proses ini dan jangkaan masyarakat, wanita seringkali dipersepsi sebagai ibu, pemelihara; pemupuk dan penjaga. Tambahan lagi,

sejarah turut memainkan peranan dalam membentuk jangkaan orang ramai mengenai wanita.

Di Malaysia, umumnya kaum wanita tidak diberi layanan sebagai warganegara kelas kedua. Perlembagaan Persekutuan Malaysia memberi hak yang sama kepada kaum wanita dan kaum lelaki. Terdapat juga undang-undang yang diwujudkan untuk melindungi wanita seperti Akta Keganasan Rumah Tangga 1974. Selain itu, Dasar Wanita Negara diwujudkan bertujuan untuk menghapus unsur-unsur diskriminasi terhadap wanita. Hak wanita untuk mengundi, menjadi calon pilihanraya, peluang untuk menceburi bidang-bidang ekonomi, pendidikan, kehakiman, perubatan, kejuruteraan, pembuat dasar, kepimpinan dalam barisan kabinet dan lain-lain disediakan melalui jaminan Perlembagaan Persekutuan Malaysia seperti mana yang dinyatakan oleh Max Weber mengenai kepimpinan legal-rasional, bahawa wanita boleh menjadi pemimpin berdasarkan autoriti perundangan yang memberi hak yang sama seperti kaum lelaki. Namun menurut Ragins (1991), pemimpin lelaki dan wanita dinilai oleh orang bawahan tidak berdasarkan jantina tetapi berdasarkan kuasa mereka. Jika dibandingkan kepimpinan lelaki dan wanita, lelaki dilihat lebih agresif, bercita-cita tinggi, berdaya saing dan mampu memenuhi kehendak pelanggan sedangkan kaum wanita dilihat lebih kepada seseorang yang penuh kasih sayang, lemah lembut, dan lebih mesra serta lebih sesuai menjadi pengikut.

## **HASIL KAJIAN**

### **Pemeriksaan kepimpinan wanita tahun 1980-2013.**


Representasi politik adalah sebahagian dari penglibatan dan keperluan proses pemerikasaan wanita terutamanya bagi tahap kesedaran, mobilisasi dan partisipasi. Kewujudan representasi politik akan mempercepatkan proses pemerikasaan wanita dengan kewujudan pelbagai aktor yang mewakili wanita dan aspek yang berkepentingan untuk wanita. Ramai para pengkaji serta penulis yang kebanyakannya bersependapat bahawa kaum wanita sebenarnya memainkan peranan yang penting dalam aktiviti politik dan kepimpinan. Malah kepimpinan juga tidak dipengaruhi oleh gender. Oleh itu, penglibatan serta penyertaan wanita dalam bidang ini tidak boleh dinafikan lagi, begitu juga dari sudut kemampuan, kesedaran politik yang tinggi dan persediaan yang mencukupi.

Menurut Rashila (2008), terdapat beberapa pemahaman tentang pemerikasaan. Pemerikasaan yang berteraskan pemikiran liberal akan memberatkan isu kesamarataan gender (gender equality). Bagi mereka yang beraliran konstruktivis, pemerikasaan akan ditakrifkan dengan lebih subtantif lagi iaitu meliputi kesamarataan dan kesetaraan gender yang merangkumi peluang serta sumber. Peranan wanita meliputi pekerjaan yang berbentuk produktif dan juga reproduktif. Peranan inilah yang dibincangkan dalam konteks kerajaan mahupun wanita itu sendiri berkemahuan untuk memperkasakan diri mereka dalam bidang seperti ekonomi, politik, sosial dan sebagainya.

Sementara itu, Perkara 7 dalam Pengisytiharan 1948 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengiktiraf hak dan perlindungan dari segala bentuk diskriminasi sama ada dalam keluarga, masyarakat atau dalam kehidupan seharian. Lima badan utama dalam sistem PBB iaitu Suruhanjaya Status Wanita (Commission on the Status of Women), Jawatankuasa Penghapusan Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Bahagian bagi Kemajuan Wanita (The Division for the Advancement of Women), Tabung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pembangunan Wanita

(UNIFEM) dan Institut Penyelidikan dan Latihan Antarabangsa bagi Kemajuan Wanita (INSTRAW) kemudiannya dibentuk. Semua perkara ini diadakan bagi memelihara kedudukan dan hak sama rata wanita untuk setaraf dengan kaum lelaki (Rozi Bainon: 2003). Bagi meningkatkan taraf wanita supaya setanding dengan kaum lelaki dalam pelbagai aspek kehidupan, terdapat lima konvensyen PBB yang dianjurkan bagi menjamin dan melindungi hak wanita khususnya. Salah satunya ialah Konvensyen mengenai Hak Politik Wanita. Konvensyen 1952 ini mengemukakan tiga prinsip iaitu wanita berhak mengundi dalam semua pilihanraya atas terma yang sama dengan lelaki, wanita layak dipilih bagi semua badan awam yang ditubuhkan di bawah undang-undang kebangsaan dan wanita berhak memegang jawatan awam atas prinsip yang sama dengan lelaki tanpa ada diskriminasi (Widad: 2012).

Malaysia juga menjamin hak warganegaranya baik lelaki mahupun wanita untuk mengambil bahagian di dalam pilihanraya sama ada sebagai pengundi mahupun calon. Ini dapat dilihat melalui Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan dalam memperuntukkan syarat-syarat kelayakan bagi seorang pemilih (Mohamed Suffian: 1990). Menurut Rowlands (1997) pemerksaan (*empowerment*) merujuk kepada proses membangunkan dan memajukan sesuatu golongan. Ianya bukan hanya terhad kepada proses pembangunan minima dan kebajikan sahaja. Proses pemerksaan merangkumi proses membuat keputusan, kesedaran mengenai hak-hak individu serta bertindak untuk mencapainya. Maka konsep pemerksaan ini juga berkait rapat dengan hubungan kuasa yang wujud dalam memastikan proses pemerksaan dilaksanakan sepenuhnya. (Sharifah Syahirah: 2011)



Nota: nilai 0 menunjukkan kesaksamaan gender sementara nilai 1 tiada kesaksamaan gender

Rajah 1: Indeks jurang gender di Malaysia tahun 1980-2012

Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2013.

Rajah 1 menunjukkan indeks jurang gender di Malaysia tahun 1980 hingga 2012. Bermula tahun 1980 didapati indeks jurang antara gender telah mula bertambah iaitu dari 0.3401 kesaksamaan gender kepada 0.2450 kesaksamaan gender tahun 2010. Indeks jurang gender terus bertambah kepada 0.2354 kesaksamaan gender. Wanita kini, telah banyak menceburi bidang-bidang professional dan perkembangan wanita memegang jawatan-jawatan tinggi di peringkat pegawai-pegawai kerajaan semakin meningkat setahun demi setahun. Malah jumlah wanita yang masuk ke peringkat pendidikan tinggi di universiti juga semakin meningkat berbanding lelaki. Secara tidak langsung jurang antara gender iaitu lelaki dan wanita dapat dikurangkan hampir setiap tahun.


Walaupun terdapat peningkatan setiap tahun keahlian wanita dalam parti-parti politik, namun peluang mereka untuk menjadi perwakilan serta pembuat keputusan

masih sedikit. Ini adalah disebabkan oleh masalah struktur parti yang telah dikuasai oleh perwakilan lelaki berbanding wanita. Malah ruang politik juga sangat kondusif bagi kaum lelaki berbanding wanita. Kebanyakan negara, politiknya lebih kepada *machois* iaitu mengutamakan perwakilan daripada lelaki dan menganggap lelaki lebih layak untuk memegang jawatan kerana mereka lebih berkebolehan, berkemampuan serta mempunyai kemahiran kepimpinan yang lebih baik daripada wanita terutama dalam hal-hal berkaitan pengurusan dan pentadbiran. Semakin wanita berkuasa sebagai pemimpin, prejudis kepada golongan wanita akan bertambah hebat (Eagly, Makhinjani & Klonsky: 1992).

Sebagaimana menurut Sharizat Abd Jalil (2014) menyatakan wanita perlu keluar dari zon selesa mereka, sudah masanya wanita menjadi ahli dalam kepimpinan tertinggi parti. Oleh itu, dalam mesyuarat agung UMNO yang lalu beliau telah mencadangkan wanita menjadi Naib Presiden sebagai permulaan kepada perubahan dan transformasi wanita mengenai kepekaan mereka terhadap isu merapatkan jurang gender dan sumbangan wanita selama ini (Temubual: 3 Disember 2014)

Wanita terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk memperkasakan representasi wanita terutamanya wanita yang bijak, mampu mengatasi masalah persepsi dan diskriminasi terhadap kemampuan, kebolehan dan kecekapan wanita dalam kepimpinan. Wanita mesti bijak merancang perjalanan politik mereka dengan mendapat sokongan dari peringkat akar umbi, cawangan, bahagian hingga ke pusat parti. Dalam hal ini, hanya wanita yang benar-benar cekap mampu meraih undi yang banyak terutama daripada lelaki kerana kebanyakan ketua-ketua di peringkat cawangan, bahagian dan pusat terdiri daripada lelaki. Mereka adalah penentu kepada kedudukan tertinggi bagi calon-calon pilihan untuk berada di barisan kepimpinan tertinggi parti. Jamilah Arifin (1995) menyatakan masyarakat Melayu merupakan golongan yang paling kuat memegang kepercayaan tentang peranan dan kedudukan tradisional wanita Melayu. Walaupun wanita Melayu menyokong pembabitian wanita dalam politik tetapi ramai pula yang beranggapan bahawa wanita tidak sesuai memegang jawatan tertinggi dalam masyarakat apabila ada calon lelaki. Menurut Rosnah Abd Rashid Shirlin (2015) bahawa wanita lebih selesa berada dalam kalangan mereka dalam pertubuhan, yang mana wanita tidak terlibat dengan pemilihan parti sama ada di peringkat cawangan ataupun bahagian. Walaupun kita mempunyai dua ketua bahagian yang terdiri daripada wanita, namun ia tidak menggambarkan keadaan sebenar bahawa wanita peka mengenai penglibatan mereka dalam parti (Temubual: 21 Disember 2015)

Kesukaran wanita untuk menembusi gawang kepimpinan tertinggi parti adalah kelemahan wanita sendiri yang tidak peka serta tidak peduli dengan kepentingan sokongan-sokongan daripada ketua-ketua peringkat cawangan, bahagian dan pusat yang kebanyakannya terdiri daripada orang lelaki. Wanita lebih selesa berada di kedudukan mereka sebagai sayap wanita bagi sesebuah parti. Walhal wakil wanita boleh duduk sama tinggi dengan wakil lelaki di barisan kepimpinan tertinggi dan utama sesebuah parti. Rafidah Aziz (2015) menyatakan wanita tidak perlu bersaing dengan wakil lelaki atau wanita tetapi wanita perlu bersaing dengan diri sendiri dahulu. Wanita perlu berani mencabar kemampuan diri, sentiasa tidak berputus asa serta perlu mempunyai daya inovasi yang tinggi bagi meningkatkan keupayaan diri (Temubual: Jun 2015).



Rajah 2: Sepuluh negara teratas yang mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus penyertaan wanita di parlimen, 2013

Sumber: Inter Parliamentary Union, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2013

Keterwakilan wanita sebagai representasi boleh dilihat melalui Rajah 2 yang menunjukkan peratus negara-negara yang telah mencapai 30 peratus<sup>1</sup> sebagai ahli parlimen dan pembuat keputusan bagi tahun 2013. Ia didominasi oleh negara-negara di benua Afrika, Amerika Selatan dan Eropah. Menurut Noraini Ahmad (2014) negara-negara seperti di benua Afrika terutamanya telah menetapkan kuota sebanyak 50 peratus untuk wanita menjadi representasi formal berbanding Malaysia hanya meletakkan syarat 30 peratus sebagai sasaran untuk memperkasakan wanita, namun masih belum dapat capai lagi. Buat masa ini kita hanya mampu capai dalam jawatan pentadbiran negara (Temubual: Ogos 2014).

Sepertimana yang dinyatakan oleh Azza Karam (2002) peningkatan jumlah wanita Pakistan yang terlibat dalam politik adalah kerana mereka mengamalkan sebuah model reservasi (kuota) wanita di Pakistan. Model ini melibatkan *National*

<sup>1</sup> Kuota 30% merupakan salah satu dari aspek kritikal yang disimpulkan dalam Persidangan Wanita Sedunia Beijing pada tahun 1995. Kerajaan Malaysia bersetuju dengan kuota ini dan telah memperkenalkan Dasar 30% Peringkat Pembuatan Keputusan Wanita namun ianya hanya dikhaskan untuk kakitangan sektor kerajaan sahaja

*Reconstruction Bureau*. Ia telah memotivasi wanita Pakistan untuk menyokong reservasi tersebut. Model ini telah berjaya di peringkat daerah dan terdapat peningkatan penglibatan wanita dalam politik yang mana jumlah wanita di peringkat Parlimen meningkat sebanyak 17 peratus.

Rajah 2 menunjukkan 10 buah negara teratas yang mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus penyertaan wanita di Parlimen tahun 2013. Negara-negara tersebut ialah Rwanda, Andorra, Cuba, Sweden, Seycheles, Senegal, Finland Afrika Selatan, Nicaragua, Iceland, Norway, Mozambique dan Denmark. Rwanda berada di kedudukan yang teratas telah mencapai 56.3 peratus jumlah wanita yang terlibat dalam politik di peringkat Parlimen. Sementara Denmark pula sebanyak 39.1 peratus wanita yang berjaya menjadi ahli Parlimen. Negara Afrika Selatan telah mengubah dasar negaranya dengan memperuntukkan sebanyak 50 peratus sebagai kuota wanita di peringkat Parlimen. Walaupun masih belum mencapai 50 peratus wanita di Parlimen namun pencapaiannya telah menghampiri sasaran kuota negaranya iaitu sebanyak 42.3 peratus.

Berbeza dengan negara anggota ASEAN yang dilihat masih sukar mencapai sasaran yang ditetapkan dalam perjanjian di Beijing iaitu 30 peratus wanita menjadi ahli parlimen dan terlibat dalam pembuatan keputusan. Ini adalah disebabkan oleh faktor budaya, adat serta nilai-nilai timur yang mengutamakan kedudukan kaum lelaki daripada wanita. Walaupun terdapat negara ASEAN yang pernah mempunyai Presiden atau Ketua Negara seorang wanita, namun keahlian sebagai representasi formal di peringkat Parlimen masih rendah dan tidak dapat serta belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Contoh negara yang telah mempunyai seorang ketua pemimpinnya wanita ialah seperti negara Indonesia yang pernah diketuai oleh Megawati Sukarno, Filipina oleh Arroyo dan Thailand oleh Yingluck Shinawatra.

Hutheesing (1994) mengakui bahawa dunia lelaki dan wanita mempunyai struktur yang tersendiri dan berbeza antara satu sama lain tetapi lelaki sentiasa berjaya dalam mempengaruhi dan menguasai wanita dalam dunia mereka sendiri. Ruang politik wanita yang terbatas dan anggapan stereotaip masyarakat yang sentiasa mencurigai kemampuan, kebolehan dan kecekapan wanita dalam kepimpinan telah mengkonstruksi peranan wanita dalam masyarakat. Kurang pendedahan dan sikap tidak peka kepada masalah gender juga turut memberi kesan kepada wanita untuk terlibat aktif serta menjawat jawatan penting dalam parti atau pentadbiran negara. Rashila Ramli (1998) menyenaraikan lima cabaran utama menyebabkan kurangnya penglibatan dan penyertaan kaum wanita dalam politik. Pertama, kerana pandangan masyarakat diikuti oleh faktor masa, faktor agama, struktur parti dan kekurangan sumber.

Mahathir Mohamad (2015) pula menyatakan bahawa tidak ada sekatan untuk wanita menjawat jawatan tertinggi dalam parti atau kabinet tetapi wanita perlu lebih cekap untuk merebut jawatan tersebut. Wanita perlu menonjolkan keupayaan dan kebolehan mereka dalam menyelesaikan masalah-masalah politik, secara tidak langsung keupayaan mereka tidak akan dicurigai lagi oleh masyarakat (Temubual: 21 Januari 2015). Sanusi Junid (2016) menjelaskan bahawa masalah wanita adalah keberanian untuk tampil kerana sebenarnya tidak ada sekatan bagi mereka untuk menonjol, sebagai mantan setiausaha agung UMNO memang tidak ada sebarang peruntukan undang-undang dalam perlembagaan UMNO yang melarang wanita menjadi ajk diperingkat cawangan mahupun bahagian. Oleh itu, wanita perlu bijak dan cekap untuk merebut peluang itu (Temubual: 17 Mei 2016).

Selain itu, isu agama sering dijadikan alasan oleh kaum lelaki agar wanita tidak bergiat aktif dalam politik. Akibat dari keterbatasan hukum-hukum agama telah




menghadkan kedudukan wanita dalam kepimpinan dan pentadbiran. Wanita tidak dibenarkan melanggar hukum agama, adat serta nilai-nilai budaya timur yang menidakkan peranan wanita di peringkat ruang awam. Wanita lebih sinonim berada di ruang lingkup dalaman iaitu sesuai dengan peranannya sebagai anak perempuan, isteri dan ibu. Secara tidak langsung wanita menjadi kumpulan kelas kedua yang ditidakkan peranannya kepada masyarakat dan negara. Sepertimana Dancz (1987: 39) menyatakan bahawa peranan wanita berdasarkan faktor-faktor sosial yang mempengaruhi perkembangan politik wanita Cina, Melayu dan India. Wanita Melayu lebih terikat dengan tradisi sosial, adat, agama serta taraf dalam masyarakat. Di dalam masyarakat Melayu khususnya wanita terikat kepada dua adat iaitu adat temenggung dan adat perpatih. Adat pada pandangan Dancz (1987);

*“Adat means those traditions, customs and laws which helped determined the structure and organisation of Malaysian society.”*

K.H. Hussien Muhammad (2004) menyatakan kebanyakan ahli fiqh terkemuka tidak bersetuju membenarkan perempuan memegang jawatan ketua negara. Ini berdasarkan ayat 34 dalam surah an-Nisa' yang ditafsirkan oleh ahli tafsir bahawa qawwam bererti pemimpin, pelindung, yang bertanggungjawab, pendidik, pengatur dan lain-lain yang seerti dengannya. Menurut Halimah Ali (2015) bagi wanita PAS untuk menjadi calon dalam pilihan raya bukanlah mudah, walaupun mereka telah dipilih dalam majlis syura namun wanita tidak boleh membuat keputusan sendiri sama ada mahu terima atau tidak. Sebaliknya calon wanita tersebut perlu berbincang dan mendapatkan keizinan daripada suami terlebih dahulu untuk menolak atau menerima pencalonan tersebut. Malah lazimnya berita atau keputusan wanita terpilih sebagai calon pilihan raya akan disampaikan kepada suami terlebih dahulu oleh wakil ajk parti. Ini kerana wanita PAS terutama yang telah bersuami adalah terikat dengan keterbatasan dalam agama yang perlu taat kepada suami (Temubual: 21 Oktober 2015). Walau bagaimanapun, kemaslahatan merupakan faktor yang paling penting bagi menangani masalah-masalah yang berkaitan dengan kemasyarakatan dan politik. Atas sebab ini wanita dibenarkan berpolitik dan memegang jawatan tertinggi dalam politik serta pentadbiran. Sebagaimana Ibnu Qayyim al-jauziyah memetik ucapan Ibnu 'Aqil iaitu

“Dalam urusan-urusan politik, yang diperlukan adalah cara-cara yang dapat membawa masyarakat pada kehidupan yang menjamin kemaslahatan dan menjauhkan mereka dari kerosakan atau kebinasaan, meskipun cara-cara itu tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dan tidak ada aturan wahyu Allah.” K.H Hussien



Muhammad (2004: 171)

Rajah 3: Penyertaan Wanita Di Parlimen Bagi Negara-Negara Asean, 2013.

Sumber: Inter Parlimentary Union, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2013.

Rajah 3 pula menunjukkan penyertaan wanita di Parlimen bagi negara anggota Asean tahun 2013. Negara Asean tersebut ialah Filipina, Lao PDR, Vietnam, Singapura, Cambodia, Indonesia Thailand, Malaysia dan Myanmar. Negara-negara Asean telah bersetuju menetapkan sebanyak 30 peratus pencapaian wanita di peringkat pembuatan keputusan. Nik Safiah Karim (2015) menyatakan mungkin negara kita perlu jadikan sasaran 30 peratus bertukar kepada sistem kuota dalam pemilihan pembuatan keputusan. Sebagaimana yang kita maklum ramai wanita kini berpendidikan tinggi dan berkelayakan bukan sahaja dari segi akademiknya malah wanita juga berkeupayaan serta berkebolehan dalam kepimpinan (Temubual: 17 April 2015). Filipina telah memperolehi 27.1 peratus wanita sebagai wakil Parlimen. Walaupun belum berjaya mendapat 30 peratus yang ditetapkan namun telah menghampiri sasaran 30 peratus tersebut. Filipina, Indonesia dan Thailand telah menggunakan sistem kuota jantina dalam pilihan raya di negara masing-masing berhubung peratusan representasi wanita di parlimen. Myanmar adalah negara yang dilihat kurang memberi peluang kepada wanita untuk memegang jawatan di peringkat Parlimen iaitu hanya memperolehi sebanyak 6 peratus sahaja. Myanmar adalah negara yang paling rendah dalam pencapaian 30 peratus wanita di peringkat Parlimen bagi negara-negara Asean. Malaysia pula menduduki kedudukan yang kedua rendah

selepas Myanmar iaitu hanya berjaya mencapai 10.4 peratus sahaja wanita yang manjadi ahli Parlimen.

Bagi negara Singapura pula, undang-undang negaranya memberi kedua-dua jantina menikmati peluang yang sama di sekolah dan pendidikan yang berdasarkan merit. Oleh yang demikian, peluang wanita dan lelaki dalam politik adalah sama rata. Perwakilan wanita dalam politik dapat menentukan wujud keadaan saksama, peluang yang sama rata dan layanan yang adil antara jantina untuk hidup dan maju sebagai rakan kongsi dalam keluarga dan masyarakat.

## **PERBINCANGAN**

Pada hari ini, tiada sekatan bagi wanita untuk bergiat cergas dan aktif dalam politik. Malah wanita dilihat lebih peka dan prihatin mengenai isu-isu politik. Pencapaian wanita juga tidak dinafikan sama ada bagi wanita di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Masyarakat Malaysia kini dilihat lebih bersifat terbuka terhadap pencapaian wanita dalam bidang akademik, ekonomi, pentadbiran dan politik.

Berdasarkan kajian ini, wanita mempunyai kelebihan dari segi keahlian wanita bagi setiap parti yang sentiasa meningkat saban tahun. Namun wanita perlu berani dan yakin untuk tampil sebagai seorang pemimpin yang serba boleh dan membuktikan kepada masyarakat seluruhnya bahawa mereka boleh menjadi seorang pemimpin negara yang berkemampuan dan berkebolehan. Wanita perlu keluar dari zon selesanya iaitu dari menjadi kumpulan sokongan kepada sesebuah parti untuk menonjol dalam barisan kepimpinan tertinggi parti. Seperti mana menurut Manderson (1981), Danz (1984), Rashila Ramli (1999) dan Saliha Hassan (2005), golongan wanita yang berpartisipasi dalam parti politik dan pilihan raya mendukung kepentingan parti-parti politik parti-aki. Oleh itu, wanita mesti peka bahawa peningkatan barisan kepimpinan di peringkat tertinggi parti adalah bermula dari peringkat akar umbi. Wanita perlu melibatkan diri dalam pemilihan parti iaitu dalam pemilihan ajk peringkat cawangan, bahagian dan pusat parti. Sebagaimana menurut Rashila Ramli (1998, 2005) dan Saliha Hassan (2005), terdapat pelbagai cabaran bagi wanita untuk berpartisipasi dan mewakili wanita dalam pilihan raya.

Oleh itu, pemikiran wanita mesti berubah, yang mana sebelum ini tidak mahu terikat dengan aktiviti pentadbiran dan politik semata kepada lebih peka dan prihatin akan kepentingan peranan mereka sebagai pengimbang dalam kepimpinan negara. Kamalia Ibrahim (1998) juga menyatakan penglibatan wanita dalam politik banyak bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh pemimpin wanita di peringkat tinggi. Suara mereka akan diperdengar dan diambil peduli sekiranya mereka berada di kedudukan kepimpinan yang tertinggi. Isu-isu seperti diskriminasi dan persepsi yang mempertikai mengenai kemampuan serta kebolehan wanita mampu dikurangkan dan seterusnya isu jurang antara gender dapat dirapatkan. Secara tidak langsung dapat memperkasakan kepimpinan wanita di peringkat yang tertinggi.

## **KESIMPULAN**

Kepentingan pemeraksanaan kepimpinan wanita dalam penglibatan politik dapat memberi kesedaran akan kepentingan mereka sebagai pengimbang gender dalam pentadbiran dan pembuatan keputusan. Selain itu, wanita mampu membantu masyarakat dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan dengan lebih baik

lagi, masalah dan isu-isu masyarakat dan wanita dapat diperdengar dan diambil perhatian lebih serius lagi.

## PENGHARGAAN

Penyelidik ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana menyediakan surat kebenaran penyelidikan, institusi yang terlibat iaitu Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Yayasan Kepimpinan Perdana, Seulawah Holdings Sdn Bhd, dan MITI serta responden kajian ini iaitu Sanusi Junid, Mahathir Mohammad, Rafidah Aziz, Sharizat Abd Jalil, Zaleha Ismail, Halimah Ali, Noraini Ahmad dan Nik Safiah Karim kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu bual.

---

Nor Rafidah Saidon, Sity Daud dan Mohd Samsudin  
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 43650 Selangor.  
Emel: adeif\_07@yahoo.com

## RUJUKAN

- Aminudin & Mohd Ali. 1998. *Kepimpinan Pemuda UMNO*, Penerbit UKM, Bangi.
- Azza Karam. 1998. *Women in Parliament: beyond numbers*. International Institute of Democracy and Electoral Assistance (IDEA), Sweden
- Cecilia Ng. 2010. The hazy new dawn: democracy, women in politics in Malaysia. *Asia Research Institute*, Vol. 1 (36).
- Cecilia Ng. 2012. Gender and governance: the politics of federalism in Malaysia. *Kajian Malaysia (Journal of Malaysian Studies)*, Vol. 30 (2).
- Ching Frank. 1999. "Wake up call", *Far Eastern Economic Review*, 30-31
- Connell, R. W. 2002. *Gender*, Polity Press, Cambridge.
- Dancz and Virginia, H. 1984 *Women and party politics in peninsular Malaysia*, Oxford University Press, New York.
- Inter Parliamentary Union, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2013.
- Jabatan Perangkaan Malaysia 2012.
- Kamilia Ibrahim. 1998. *Women's involvement in politics and the need for paradigm shift*. Dlm. Sharifah Zaleha Syed Hassan (pnyt.). Malaysian women in the wake of change. Hlm. 105-110. Gender Studies Program, UM, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. 2013.
- Laporan HAWA. 1997.
- Lenore Manderson. 1981. *Wanita politik dan perubahan*. terjemahan Samsudin Jaapar. Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd, Petaling Jaya.
- Nik Safiah Karim. 1990. *Wanita Malaysia*. 'K' Publishing & Distributors Sdn.Bhd, Kuala Lumpur.
- Philips, Anne. 1998. *Democracy and representation: or, why should it matter who our*

- representative are?* Dlm. Philips, Anne (pnyt.). Oxford readings in feminism: feminism and politics. Hlm.224-241, Oxford University Press, New York.
- Ragins, B. R., & Cotton, J. 1991. Easier said than done: Gender differences in perceived barriers to gaining a mentor. *Academy of Management Journal*, 34, 939-951.
- Rokiah Talib & Nik Safiah Karim. 2005. *Tan Sri Zaleha Ismail: Aspirasi dan perjuangan*. Shah Alam, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.
- Rashila Ramli. 1998. Democratisation in Malaysia: Towards gender parity in political participation, *Akademika*, 53.
- Rashila Ramli. 1998. *Pembangunan politik dan gender: Cabaran dan strategi bagi calon-calon wanita*. Dlm. Gender, budaya dan masyarakat. Sunt. Rokiah Talib & shanthi Thambiah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rashila Ramli. 2008. Pemeraksanaan Wanita dalam Politik Malaysia: Pengamatan dan Analisis. *JurnalKajian Politik dan Masalah Pembangunan* (Indonesia), Vol. 4 (1) 185-194.
- Rashila Ramli dan Saliha Hassan. 2010. *Wanita dan pembangunan politik di Malaysia: alaf baru, politik baru*. Dlm. Himpunan makalah wanita dan pembangunan di Malaysia :satu kesinambungan menyusuli perubahan selama empat dekad/suatu projek Akademik yang diilham dan diselaraskan oleh Jamilah Ariffin. MPH Group Printing (M) Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Rasyidin Asyi (2012) *Pemeraksanaan politik gender melalui MoU Helsinki: kajian kes provinsi Aceh Indonesia*. Tesis. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.
- Rush M. 1992. *Politics and society: An introduction to political sociology*. Harvester Weatsheaf, London.
- Saliha Hassan. 2005. *Malaysia: transformative not alternative*. Dlm. Rashila Ramli, Lubi, Elisa Tita & Djanaeva, Nurgul. Seethings and Seatings: Strategies for Women's Political Participation in Asia Pasific, 91-124. Ching Mai, Asia Pacific Forum on Women, Law and Development (APWLD).
- Sharifah Syahirah Syed Sheikh. 2011. *Representasi politik dan governans global: kajian mengenai CEDAW dan pemeraksanaan wanita di Malaysia*. Tesis, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.
- Sharifah Syahirah, Norfarhanis dan Norehan Hussain. 2016. A gender quota policy implementation and women empowerment in the Malaysian public sector. *Australian Journal of Sustainable Business and Society*, Vol. 2(1).
- Sharifah Syahirah Syed Sheikh.2010. Pemeraksanaan representasi politik wanita di Malaysia: analisis pilihan raya umum ke-12 (PRU12), 2008. *The Journal of Administrative Science*, Vol. 7(1) (11-37).
- Temubual Halimah Ali. Klang. Selangor. 21 Oktober 2015.
- Temubual Noraini Ahmad. MITI. Kuala Lumpur. 22 Ogos 2014.
- Temubual Nik Safiah Karim: 7 April 2015.
- Temubual Mahathir Mohammad: 21 Januari 2015.
- Temubual Rafidah Aziz: 3 Jun 2015.
- Temubual Sharizat Abd Jalil: 3 Disember 2014.
- Temubual Sanusi Junid, Mont. Kiara. Seulawah Sdn Bhd. 17 Mei 2016.
- Temubual Zaleha Ismail: 17 Mac 2015.
- Wan Abdul Kadir Yusoff. 1998. *Nilai dan world-view orang Melayu tentang gender*. Dlm. Gender, budaya dan masyarakat. Sunt. Rokiah Talib dan Shanti Thambiah, Rancangan Pengajian Gender, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Widad Mat Ali. 2012. *Pemeraksanaan politik wanita mengikut Maqasid Syariah: satu*

*tinjauan kelestarian*. Workshop Antarabangsa Pembangunan Berteraskan Islam V (WAPI-5). Universitas Muhammadiyah Sumatera (UMSU). Medan, Indonesia.